

**PAKAIAN PEGUAM DI MAHKAMAH**  
**COURT ATTIRE FOR LAWYERS**

**1. Pakaian Dalam Mahkamah Terbuka di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Khas**

**Lelaki:** **Kemeja** Lengan panjang warna putih dengan *wing collar* warna putih dan *bib*.  
**(Shirt)** *White long sleeves with white wing collar and bib.*

**Seluar Panjang (Longgar)** Warna hitam/ biru kelasi/kelabu gelap. Jalur-jalur dibenarkan.  
**(Slacks – Loose)** *Black/navy blue/dark gray. Stripes permissible.*

**Jaket** Warna hitam. Butang bras tidak dibenarkan.  
**(Jacket)** *Black. Brass buttons not permitted.*

**Stoking** Warna hitam/biru kelasi/kelabu gelap.  
**(Socks)** *Black/navy blue/dark gray.*

**Kasut** Warna hitam/biru kelasi/kelabu gelap  
**(Shoes)** *Black/navy blue/dark gray*

**Jubah** Warna hitam.  
**(Robe)** *Black.*

**Pakaian di Kepala** Serban dan songkok dibenarkan.  
**(Head-Dress)** *Turban and songkok are permitted.*

**Wanita:** **Blaus** Lengan panjang warna putih dengan *wing collar* warna putih dan *bib*.  
**(Blouse)** *White long sleeves with white wing collar and bib.*

**Skirt** Warna hitam/biru kelasi/kelabu gelap dan labuhnya di bawah lutut. Jalur-jalur dibenarkan.  
**(Skirt)** *Black/navy blue/dark gray and its length below the knee. Stripes permissible.*

**Seluar Panjang (Longgar)** Warna gelap, longgar dan tidak mendakap anggota badan.  
**(Trousers – Loose)** *Dark trousers and not body hugging.*

**Pakaian Tradisional** Bukan berwarna garang dan tidak menjolok mata.  
**(Traditional Dress)** *Not glaring colour and decent.*

**Jaket** Warna hitam. Butang bras tidak dibenarkan.  
**(Jacket)** *Black. Brass buttons not permissible.*

**Sarung Kaki Nilon – Pilihan** Hanya warna kulit sahaja yang dibenarkan.  
**(Nylon Socks – Optional)** *Only skin-tones permissible.*

**Kasut** Warna hitam/biru/kelabu gelap. Sandal tidak dibenarkan di dalam Mahkamah.  
**(Shoes)** *Black/navy blue/dark gray. Sandals are not permitted in Court.*

**Jubah** Warna hitam.  
**(Robe)** *Black.*

**Pakaian di Kepala** Warna hitam/putih/biru kelasi/ kelabu gelap. Bunga yang tidak keterlaluan atau corak bercap dibenarkan juga.  
**(Head-Dress)** *Black/white/navy blue/dark gray. Subtle floral or patterned prints also permitted.*

**2. Aksesori Pakaian** Semua peguam (lelaki dan perempuan) ditegah memakai apa-apa *emblem*, riben, lencana, ikatan dan lain-lain yang melambangkan mana-mana parti politik atau bermotifkan politik.  
**(Costume Accessory)** *All lawyers (male and female) are prohibited from wearing any emblem, ribbon, badge, band etc. which symbolizes any political party or political motive.*

**3. Pakaian di Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret dan Di Dalam Kamar Mahkamah Tinggi**

Bagi maksud ini pakaian adalah seperti di atas tetapi:

- a. Tanpa jubah
- b. Kemeja putih bertali leher yang tidak berwarna garang (*wing collar* dan *bib* dibenarkan).
- c. Bagi wanita yang memilih memakai tali leher hendaklah tali leher yang tidak berwarna garang (*wing collar* dan *bib* dibenarkan).

**4. Perbicaraan Di Dalam Kamar Mahkamah Tinggi Yang Dijalankan Di Mahkamah Terbuka**

Di mana kes-kes di dalam kamar dijalankan di mahkamah terbuka, kes-kes itu masih kes-kes di dalam kamar dan pakaian hendaklah seperti yang ditetapkan di perenggan 3.